

26 JAN 2003

RAKYAT M'SIA DI IRAQ AKAN DIPINDAHKAN JIKA BERLAKU PERANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Malaysia akan memanggil pulang kakitangannya dan memindahkan rakyatnya di Iraq dan negara-negara jiran sekiranya pasti perang akan dilancarkan ke atas Iraq, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today.

"Kita perlu fikirkan keperluan kita. Sekiranya perang pasti akan dilancarkan, kita akan panggil pulang kakitangan kita dan pelajar kita di sana," kata Perdana Menteri semasa diminta mengulas nasihat yang dikeluarkan Washington kepada ekspatriatnya di seluruh dunia agar bersiap sedia bagi pemindahan kecemasan, sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini, termasuk perang.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang, dekat sini, sekembalinya beliau dari lawatan ke Lubnan, Mesir dan Davos, Switzerland, di mana beliau menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Ditanya akan nasihat beliau kepada rakyat Malaysia sekiranya perang ke atas Iraq menjadi kenyataan, beliau berkata kesannya adalah minimum.

"Tetapi sudah tentu sekiranya kita (rakyat Malaysia) berada dekat Iraq, kita perlu lebih berjaga-jaga," katanya.

Jabatan Negara Amerika Syarikat pada Jumaat mengirinkan kawat kepada kesemua pejabat diplomatiknya di luar negara mengarahkan mereka untuk menasihatkan rakyat Amerika di kawasan masing-masing agar bersiap sedia untuk berpindah ekoran terdapat tanda-tanda bahawa tindakan ketenteraan ke atas Iraq mungkin dilancarkan.

Para pegawai berkenaan menyatakan nasihat itu meliputi semua kemungkinan selain daripada perang, termasuk keganasan, bencana alam dan kecemasan peribadi, tetapi tidak menolak kaitan kawat itu dengan situasi di Iraq.

-- BERNAMA

HS AZH RHM